

EDARAN KEPADA PEGAWAI JAS DAN INDUSTRI

**PENJELASAN TERHADAP PENGKELASAN BUANGAN DI BAWAH PERATURAN-
PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005**

PENGENALAN

1. Buangan terjadual adalah didefinisikan sebagai apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
2. Di bawah Jadual Pertama tersebut, terdapat 77 kategori buangan terjadual yang disenaraikan.
3. Jabatan Alam Sekitar telah membuat kajian semula terhadap jenis-jenis buangan di bawah beberapa kategori buangan terjadual dan telah mengkelaskan beberapa jenis buangan berkenaan sebagai bukan buangan terjadual berasaskan kepada beberapa pertimbangan berikut:
 - (a) Buangan digunakan secara meluas sebagai bahan mentah dalam industri penghasilan produk dan selamat digunakan;
 - (b) Buangan tidak menunjukkan ciri-ciri toksik;
 - (c) Buangan tidak diklasifikasi sebagai buangan berbahaya di peringkat antarabangsa

PENERANGAN MENGENAI KLASIFIKASI BUANGAN

4. Jadual 1 menyenaraikan tiga (3) jenis utama buangan industri yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005 yang tidak diklasifikasikan sebagai buangan terjadual. Penjelasan lanjut buangan tersebut adalah di dalam kolom 1 dalam jadual tersebut:

EDARAN KEPADA PEGAWAI JAS DAN INDUSTRI

Jadual 1: Buangan Industri Yang Disenaraikan Dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005 Yang Tidak Diklasifikasikan Sebagai Buangan Terjadual

Jenis Buangan	Rujukan Asal Kod Buangan
1. Sanga kuprum dari peleburan bijih kuprum yang tidak tercemar dengan bahan pencemar atau buangan terjadual lain	SW 104
2. Enapcemar dari industri pulpa dan kertas dimana proses penghasilan produk hanya menggunakan pulpa pokok dan tanpa menggunakan kertas bercetak. Pelupusan buangan enapcemar ini memerlukan kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri di bawah Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009.	SW 204
3. Enapcemar yang mengandungi bahan-bahan organik daripada industri asas tani yang tidak mengandungi kandungan pencemar yang melebihi had yang ditetapkan untuk parameter yang disenaraikan di bawah garis panduan pengurusan khas buangan terjadual seperti di bawah: a. Industri penyembelihan haiwan b. Industri makanan yang menggunakan bahan mentah utama daripada hasil pertanian dan hasil ternakan. Contohnya adalah:	SW 204

EDARAN KEPADA PEGAWAI JAS DAN INDUSTRI

<ul style="list-style-type: none">• Industri memproses hasil-hasil pertanian dan hasil ternakan• Industri menghasilkan minuman• Industri menghasilkan makanan seperti kilang coklat, kilang biskut, kilang kacang, kilang bihun dan lain-lain produk makanan lain. <p>Pelupusan buangan enapcemar di atas memerlukan kebenaran bertulis dari Jabatan Alam Sekitar Negeri di bawah Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009</p>	
--	--

MAKLUMAT TAMBAHAN

Enapcemar lain yang tidak dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 adalah seperti berikut:-

- 1) Enapcemar dari loji rawatan kumbahan. Pelupusan buangan ini hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Jabatan Alam Sekitar Negeri seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 15, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.
- 2) Enapcemar dari kilang minyak kelapa sawit mentah. Pelupusan enapcemar ini hendaklah mengikut prosedur sedia ada sepertimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977.

EDARAN KEPADA PEGAWAI JAS DAN INDUSTRI

- 3) Enapcemar dari kilang getah asli mentah. Pelupusan enapcemar ini hendaklah mengikut prosedur sedia ada sepertimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1977.

Bahagian Bahan Berbahaya
Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat
Putrajaya
11 Mac 2011